

## UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2018

"TUNJANG MENGUKUH DI BUMI,  
PUCUK MENJULANG TINGGI"  
...untuk manfaat insan sejangat

6 Februari 2018 | Dewan Ilmu, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra



### UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2018

DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR PERJELAS SASARAN UniMAP

Oleh : Nurul Aida Othman

Setiap kali bermulanya kalendar tahun baharu pasti ada perkara atau amanat yang hendak dikongsikan oleh pengurusan tertinggi kepada warganya bagi memantapkan tadbir urus sesebuah organisasi.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang diterajui oleh Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal juga tidak terlepas apabila pada 6 Februari lalu, telah mengadakan Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor 2018 di Dewan Ilmu, Kampus Induk UniMAP Pauh Putra di sini.

Antara perkara yang diperkatakan adaiah mengenai 13 Petunjuk Prestasi Utama (KPI Headlines) UniMAP yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terutama mengenai kewangan.

Menurut Zul Azhar, aspek yang penting dalam senario pendidikan tinggi Malaysia masa kini ialah penjana kewangan.

"Kita menumpukan perhatian kepada lima komponen utama iaitu mewujudkan jaringan amalan terbaik di mana perlu ada usaha untuk mengetengahkan kepakaran staf akademik UniMAP sebagai konsultan atau pakar rujuk dan menerima bayaran untuk perkhidmatan tersebut.

"UniMAP juga mensasarkan peningkatan geran penyelidikan yang diperolehi para penyelidik di mana jaringan erat dengan industri serta pemegang taruh lain akan membuka peluang pembiayaan penyelidikan yang luas," katanya.

Menurut beliau lagi, bagi memantapkan lagi penjana kewangan UniMAP, pengukuhan tabung keusahawanan yang akan membantu pewujudan syarikat





# MYUniMAP Edisi XXXVI FOKUS



"start-up" serta sebagai dana untuk memberi latihan dan tunjuk ajar kepada pelajar yang ingin memulakan perusahaan mereka sendiri.

"Walaupun kadar Kebolehpasaran Graduan (GE) UniMAP tinggi, kita tidak boleh leka dan menganggap ia senano yang tetap kerana terdapat juga pelajar yang ingin mencipta pekerjaan mereka sendiri, dan kita perlu melatih mereka ke arah itu. Oleh itu, pada tahun ini sebanyak RM1.25 juta disasarkan untuk tabung ini," katanya.

Ujarnya lagi, komponen terakhir adalah penjaan kewangan UniMAP yang dilakukan oleh setiap Pusat Tanggungjawab (PT) mengikut Indeks Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan oleh pihak universiti sendiri.

"Semenjak dua tahun lepas setiap PT) diberi unjukan KPI dan bukan semua PT) berjaya mencapai unjukan tersebut, tetapi mereka telah berusaha ke arah itu dan berjaya menjana sejumlah wang untuk kegunaan perkembangan PT) tersebut," katanya.

Selain itu, beliau turut menyeru warga UniMAP untuk mengorak langkah agresif membina tenaga dan upaya menghasilkan siswazah slaga-industri.

"Dalam Peta Strategi UniMAP 2025, teras kita adalah memastikan siswazah UniMAP mampu menyumbang kepada industri sebaik saja bergraduasi dengan memberi penumpuan kepada empat komponen utama.

"Komponen tersebut adalah pemerolehan pekerjaan dalam Multinational Corporation/GLC; peratus graduan dengan PNGK melebihi 3.00; peratus program TVET yang ditawarkan; dan peratus siswazah yang memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan bergraduasi.

"Kesiap-siagaan siswazah dalam industri tidak boleh dilakukan secara bersendirian, kita perlu intim dengan industri untuk mengetahui selok-belok dan keperluan mereka bagi memastikan pelaburan masa, tenaga dan wang ringgit kita dalam proses-proses akademik akan membuahkan hasil kepada pembangunan Negara," katanya.



Bellau semasa berucap turut menyelit permainan teknologi berinteraksi Kahoot! dengan lebih 2,000 audiens terdiri daripada staf dan sebahagian kecil pelajar UniMAP.

Pada majlis sama, beliau turut melancarkan Academic Mobile App bagi menggantikan buku panduan akademik yang dicetak setiap tahun untuk diagihkan kepada pelajar sebagai rujukan sepanjang mengikuti pengajian di UniMAP dan aplikasi ini dijangka akan memberi penjimatan hampir RM150,000 setiap tahun.

Tidak ketinggalan, UniMAP juga bual pertama kalinya turut memperkenalkan aplikasi mobile secara atas talian dengan mengimbas kod QR bagi mengesahkan kehadiran staf ke majlis berkenaan.

